

07 DEC 1996

Annuar-Jalan

KERAJAAN AKAN MINTA PENGUSAHA LEBUHRAYA TOL BINA JALAN KAMPUNG

BUKIT MERTA JAM, 7 Dis (Bernama) -- Syarikat-syarikat yang mengendalikan lebuhraya tol di negara ini akan diminta supaya memberi sumbangan kepada masyarakat luar bandar dengan membina jalan di kawasan-kawasan kampung.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa hari ini berkata, sumbangan seumpama itu perlu sebagai menyahut hasrat kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar dengan menyediakan kemudahan infrastruktur.

Kerajaan mendapati syarikat yang menjalankan kutipan tol sebenarnya memperolehi keuntungan yang lumayan dan untuk membina jalan-jalan tar di kawasan luar bandar adalah sumbangan yang kecil bagi mereka, katanya.

Beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan Projek Bakti Desa di Kampung Bagan Nyiur, di sini, sumbangan pihak swasta itu boleh membantu kerajaan dalam mempercepatkan proses pembangunan luar bandar di samping mengurangkan bebanan perbelanjaan kerajaan.

"Setakat ini, syarikat-syarikat Pengeluar Tenaga Persendirian (IPP) menerusi persatuan mereka telah bersetuju menubuhkan sebuah dana untuk pembinaan janakuasa kawasan luar bandar," kata beliau.

Para pengusaha IPP berkenaan juga bersetuju untuk menyalurkan bekalan elektrik ke kawasan terpencil termasuk di Sabah dan Sarawak sebagai membantu kerajaan menyalurkan bekalan elektrik ke seluruh pelusuk negara, katanya.

Annuar berkata, hasil kajian yang dijalankan, Kementerian itu mendapati terdapat lebih 12,000 kampung yang tidak mempunyai jalan yang sempurna.

Terdahulu itu, ketika merasmikan projek bakti desa itu, beliau menyelar sikap sesetengah tokoh korporat atau syarikat-syarikat besar yang tidak berminat untuk melibatkan diri dalam program pembangunan desa yang dianjurkan oleh Kementerian itu.

Terdapat sesetengah tokoh korporat atau syarikat besar tempatan hanya menghulurkan derma kepada badan kebajikan tertentu atau program kutipan dana yang berjumlah berjuta ringgit jika ia dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim sahaja, katanya.

Beliau berkata, negara masih mempunyai 36,000 buah keluarga yang tergolong dalam rakyat termiskin dengan berpendapatan kurang RM250 sebulan.

Daripada jumlah keluarga itu, sebanyak 98,000 daripada anak-anak mereka masih menuntut termasuk di 2,000 buah sekolah yang tidak mempunyai bekalan elektrik.

Projek bakti desa Kampung Bagan Nyiur itu dilaksanakan oleh Lancar Mekar Sdn Bhd dan Jambangan Abadi Sdn Bhd bagi menjalankan pelbagai aktiviti produk lanskap dan pelancongan di kampung itu. -- BERNAMA

AA PR